



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Khutbah Bulan September 2021M/ 1443H

Tajuk:

Hasad dan Ghibtah (حَسَدُ دَانَ غَيْبَتَه)

Tarikh dibaca:

**10 September 2021M /
3 Safar 1443H**

Percetakan dibiayai:



زكاة فولاو فينغ

No. Telefon: 04-549 8088

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. Prof Madya Dr Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Fakulti Ilmu Kemanusiaan, Univerisiti Sains Malaysia

- 3. Ustaz Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Ketua Penolong Pengarah, Pusat Islam Universiti Sains Malaysia

- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS

- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Hasad dan Ghibtah

(حَسَدٌ دَانَ غَيْبَةً)

(10 September 2021M/ 3 Safar 1443H)

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ
حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٤﴾

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita perbaiki diri dengan meningkatkan ketakwaan kepada Allah تعالى yakni

dengan melakukan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangannya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapinya kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bincara minbar yang bertajuk: **“Hasad dan Ghibtah (حَسَدٌ دَانَ غَيْبَةً).”**

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Hasad bermaksud berharap dan berusaha agar sesuatu nikmat yang dianugerahkan Allah سبحانه وتعالى kepada seseorang terhapus. Manakala *ghibtah* bermakna mengharap nikmat yang dimiliki oleh seseorang turut dimiliki tanpa berharap nikmat tersebut luput daripada orang lain. Sebenarnya, apakah yang disarankan dalam agama kita? Sabda Rasulullah ﷺ:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَسَلَّطَهُ عَلَىٰ هَلَكَةٍ فِي الْحَقِّ،
وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْحِكْمَةَ، فَهُوَ يَقْضِي بِهَا وَيُعَلِّمُهَا

Maksudnya: “Perasaan hasad dan dengki itu dilarang kecuali pada dua perkara: dengki terhadap seseorang

yang Allah سبحانه وتعالى kurniakan kepadanya harta dan dia membelanjakannya pada jalan kebenaran, serta seseorang yang dikurniakan hikmah dan dia berhukum dengannya dan mengajarkannya.” (رواية امام البخاري)

Menurut Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani, istilah hasad dalam hadis ini sebenarnya membawa maksud *al-ghibtah* الغِبْطَة iaitu keinginan untuk memperolehi nikmat seperti orang lain, tanpa rasa mahu melihat nikmat tersebut ditarik balik dari orang itu. Maka sudah terang lagi bersuluh, *al-ghibtah* dianjurkan dan hasad perlu dihindarkan.

Sidang Jumaat yang dimulihkan Allah,

Khatib ingin membawakan kisah dari sebuah hadis:

Anas bin Malik menceritakan ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah ﷺ, baginda bersabda: *“Sebentar lagi, akan muncul di hadapan kalian, seorang ahli syurga. Kemudian muncul seorang sahabat daripada golongan Ansar, janggutnya masih basah kesan air wudhu’, terlihat tangan kirinya sedang membawa sandal kepunyaannya.*

Keesokkannya, hal yang sama kembali berulang hingga pada hari yang ketiga. Setelah Rasulullah ﷺ berdiri untuk meninggalkan majlis, Abdullah bin Amru bin Al-As mengikuti lelaki tersebut, dan meminta untuk menginap di rumahnya selama tiga malam. Lelaki Ansar tersebut mengizinkan. Setelah tiba hari ketiga, maka Abdullah terus terang berkata

kepadanya dan menceritakan perihal sabda Rasulullah ﷺ mengenainya. Saat aku beranjak pergi, lelaki Ansar itu memanggilku dan berkata: *“Amalanku hanyalah yang engkau lihat, hanya sahaja aku tidak menemukan perasaan dengki dalam hatiku kepada seorang muslim pun dan aku tidak pernah hasad kepada seorang pun atas kebaikan yang Allah berikan kepadanya.”*

Mendapat jawapan yang memuaskan ini, Abdullah berkata: *“Inilah amalan yang menghantar engkau (menjadi ahli syurga). Sifat inilah yang kami tidak mampu. ﴿حديث رواية احمد﴾*

Maka suka khatib menekankan sekiranya sifat hasad terlintas di hati, apakah yang perlu kita lakukan? Antaranya ialah dengan memperbanyakkan *Istighfar*, selalu mengingat kebesaran Allah dan sentiasa mensyukuri kurniaan Allah kepada kita. Selain itu, tanamkan sifat rendah hati serta rasa kasih sayang dan saling menghormati sesama insan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Kesimpulan dari khutbah hari ini adalah:

Pertama: Peliharalah hati dan buanglah rasa dengki dan sifat ingin menjatuhkan orang lain.

Kedua: Bantulah hati untuk bersyukur apabila saudara kita mendapat nikmat dan berusaha serta berdoalah agar Allah mengurniakan nikmat itu juga kepada kita.

Ketiga: Lapangkan dada, ringankan jiwa untuk membantu dan mendoakan kebaikan buat orang lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat) kemudian dia memohon ampun kepada Allah, nescaya dia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

﴿سورة النساء﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَؤُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



Khutbah Kedua September 2021

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى
إِلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ
عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ، كباوه دولي يڭ مها موليا سري فادوك باكيندا يڭ دڤرتوان اڭوڭ
ك-انم بلس، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدُ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وكذلك صَاحِبِ الْفَخَامَةِ تَوَانِ يڭ تراوتما
تون داتوء سري اوتام أحمد فوزي بن حاج عبد الرزاق، يڭ دڤرتوا نكري قولاو فينڭ.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.

Ya Allah, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.

اللَّهُمَّ قُوْ إِيْمَانِنَا، وَوَحِّدْ صُفُوفِنَا، وَاجْمَعْ قُلُوبِنَا عَلَى مَحَبَّتِكَ، وَتَعَاهَدَتْ عَلَيَّ
نُصْرَةَ شَرِيْعَتِكَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ. ﴿سورة الصافات﴾